



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# KENYATAAN MEDIA

---

## PERKEMBANGAN POSITIF DALAM PELAKSANAAN TINDAKAN LUAR BIASA MENYELAMATKAN HARIMAU MALAYA

---

Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Kedua Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (National Tiger Conservation Task Force – MyTTF) pada 10 Oktober 2023. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YB Menteri Kerja Raya dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri serta YB Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu sebagai wakil negeri rayauan harimau (Tiger Range States).

MyTTF merupakan platform utama untuk meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan usaha Kerajaan menyelaraskan pelaksanaan dan pemantauan tindakan-tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya serta memperkukuhkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebanyak 3 Kertas Pertimbangan dan 2 Kertas Makluman merangkumi inisiatif mempertingkatkan usaha konservasi spesies Harimau Malaya dan habitatnya di Semenanjung Malaysia telah dibentangkan. Mesyuarat telah bersetuju dengan Pindaan Terma Rujukan MyTTF bagi mengukuhkan peranan MyTTF. Mesyuarat turut bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai Centre of Excellence melalui pengukuhan fungsi, perjawatan, perkakasan teknologi penyelidikan dan kerjasama strategik. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju Polis Diraja Malaysia (PDRM) mewujudkan Forward Operation Base di Tapak Kem Zabri, Daerah Hulu Perak.

Mesyuarat MyTTF mengambil maklum terdapat banyak perkembangan positif sejak pengumuman pelaksanaan 9 tindakan strategik luar biasa (extraordinary actions) konservasi Harimau Malaya yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021. Pencapaian ini menunjukkan bahawa usaha menyelamatkan Harimau Malaya akan membuahkan hasil jika Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

bersepakat dan meletakkan komitmen yang tinggi dalam menangani krisis populasi Harimau Malaya.

Suka saya maklumkan bahawa pencerapan saintifik oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya 15 ekor kelahiran baharu Harimau Malaya secara semula jadi di Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu.

Pelaksanaan rondaan dan kawalan biodiversiti (boots on the ground) melalui pelantikan Renjer Komuniti dan Operasi Bersepadu Khazanah oleh Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan pertubuhan bukan kerajaan juga telah mencatatkan kejayaan dengan 531 tangkapan melibatkan sitaan berjumlah RM123.91 juta.

Mesyuarat MyTTF juga bersetuju untuk memperluaskan pelaksanaan Skim Akreditasi Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS) bagi mengukuhkan keberkesanan pengurusan habitat Harimau Malaya. Bagi tujuan ini, Jabatan PERHILITAN telah diberi tanggungjawab untuk menerajui pelaksanaan CA|TS di peringkat nasional.

Saya yakin kesepakatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam mengukuhkan pemeliharaan dan pemuliharaan spesies ikonik negara Harimau Malaya seperti yang ditunjukkan pada hari ni akan memangkin perubahan transformatif (transformative change) dan menjadi pencetus untuk melaksanakan lebih banyak tindakan luar biasa. Ini adalah penting bagi mengukuhkan lagi agenda negara dalam memastikan spesies yang menjadi simbol Jata Negara tidak pupus buat selamanya.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**10 OKTOBER 2023**

